



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Kuching, 3 Ogos 2025

### **MAGGI® Sempurnakan Sambutan Hari Gawai dengan Jamuan Cita Rasa Sarawak dan Sumbangan Amal**

*Pemenang Hadiah Utama Pertandingan Akhir MAGGI® Jom Masak & Menang Bersama Pandu Pulang Isuzu D-Max Serba Baharu*

Sebagai tanda penghormatan dan untuk menghidupkan tradisi dan semangat kemasyarakatan pada musim perayaan Hari Gawai di Sarawak, MAGGI® telah menganjurkan kempen yang memberi tumpuan kepada tukang masak dan juga makanan tempatan lazat yang dihidangkan sempena perayaan, sejajar dengan tema 'Memberi Penghormatan Kepada Tukang Masak Di Sebalik Tabir Perayaan'. Pertandingan akhir kempen 'Jom Masak & Menang Bersama' yang diadakan pada 3 Ogos 2025 di VivaCity Megamall Kuching, menghimpunkan 'tukang masak' di rumah, ahli keluarga, penggemar makanan dan orang ramai bagi menikmati juadah yang membuka selera dalam suasana penuh kemeriahan.

Setiap tahun MAGGI® meraikan warisan kulineri Sarawak bersempena sambutan Hari Gawai menerusi pengalaman menarik yang bertumpukan minat penduduk terhadap makanan dan detik-detik bermakna yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakat. Sebagai teman sejati di dapur rumah penduduk Sarawak yang telah menjalin ikatan kukuh dalam budaya dan warisan tempatan, MAGGI® bukan sahaja menghubungkan sesama insan dan mengeratkan hubungan menerusi makanan, tetapi juga memperkasakan komuniti dengan menyokong tujuan murni dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) tempatan.

Selepas menjelajah Sarawak selama dua bulan, tujuh peserta akhir dipilih untuk bertarung dan menyerlahkan kemahiran kulineri masing-masing dalam pertandingan memasak bertema "Warisan Cita Rasa Sarawak". Setiap peserta dicabar untuk mencipta hidangan menggunakan kotak misteri yang mengandungi bahan-bahan tempatan seperti Ikan Salei Lumek dan Sayur Kecei –

mengetengahkan cita rasa dan tradisi yang melambangkan kepelbagaian dan kekayaan warisan makanan Sarawak.

Berasaskan hidangan yang disediakan, barisan hakim kemudian memilih tiga peserta terbaik yang mara ke pusingan kedua untuk cabaran deria rasa, di mana mereka perlu mengenal pasti lima ramuan misteri. Peserta yang berjaya mengenal pasti lima ramuan tersebut telah dinobatkan sebagai pemenang hadiah utama.

Norihan Bt Jamil, suri rumah tangga berasal dari Kuching muncul sebagai juara dan membawa pulang sebuah Isuzu D-Max serba baharu, manakala naib juara telah memenangi peralatan memasak berjenama bernilai RM3,000. Lima peserta akhir yang lain masing-masing menerima juga peralatan memasak berjenama bernilai RM1,500.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada peraduan 'Jom Masak & Menang Bersama', MAGGI® menyumbang RM0.10 bagi setiap pembelian produk MAGGI® dari 1 Mei hingga 30 Jun, 2025. Sejumlah RM15,000 telah disalurkan kepada Persatuan Sosial PurpleLily Kuching, sebuah NGO berpangkalan di Sarawak yang membela nasib kaum wanita dan keluarga.

YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak berkata, "Setiap tahun, MAGGI® menjadikan sambutan Hari Gawai Dayak lebih istimewa lagi dengan sumbangan dan sokongan ikhlas yang membolehkan kami meraikan budaya dan tradisi kami dengan riang gembira. Di samping itu, sokongan MAGGI® terhadap golongan memerlukan dan usaha memperkasakan wanita menerusi inisiatif seperti Wanita Cukup Berani telah memainkan peranan berterusan untuk menaik taraf kehidupan komuniti di Sarawak. Kami amat bertuah untuk menerima sokongan ini dan berharap untuk menjalin kerjasama jangka panjang dengan mereka."

Cik Ivy Tan Link Cheh, Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI®, Malaysia dan Singapura berkata "Kami amat menghargai sokongan daripada penduduk Sarawak dan berbesar hati kerana berpeluang menjadi sebahagian daripada kehidupan dan sambutan perayaan mereka setiap tahun. Menerusi kerjasama bermakna dan sumbangan ikhlas sempena sambutan Hari Gawai, MAGGI® boleh menyantuni komuniti yang memerlukan, supaya mereka melangkah maju dalam kehidupan. Warisan dan kehadiran kukuh kami di Sarawak terus menjadikan

kempen tahunan ini lebih baik, membolehkan kami meningkatkan penghargaan orang ramai terhadap tradisi dan makanan tempatan dengan membawakan kisah-kisah tukang masak dan peranan penting mereka untuk memelihara budaya dan menghubungkan generasi sambil menyatukan hati insan.”

Bagi memeriahkan lagi sambutan tahun ini, MAGGI® telah memberi penghormatan kepada hidangan kegemaran rakyat Malaysia - MAGGI® Kari-Lah, perasa yang membangkit setiap deria. MAGGI® Kari merupakan ikon budaya yang sinonim dengan rasa ramuan 12 rempah yang konsisten, penuh berperisa dan menyelerakan. Aroma tersendiri dan cita rasa yang menambat selera sudah lama menyatukan Malaysia merentasi generasi, negeri dan perayaan.

Bagi menghidupkan cita rasa dan semangat perpaduan ini, Karnival MAGGI® Kari-Lah mencatatkan mercu jaya sebagai acara sulung yang diadakan di seluruh Malaysia Timur. Sambutan bergerak ini menghimpunkan penduduk Sarawak untuk mengimbas kembali kemesraan dan keceriaan yang dibawakan oleh sajian ikonik ini. Para pengunjung dari segenap lapisan masyarakat berpeluang menyertai pengalaman multi-deria yang mengetengahkan perjalanan MAGGI® Kari-Lah, dengan lima zon interaktif berinsipirasi rasa, aroma, tekstur, bunyi dan penglihatan.

Di samping itu, aktiviti lain yang turut diadakan termasuk demonstrasi memasak Umai Udang MAGGI® Kari dan MAGGI® Kari Terung Asam oleh chef residen MAGGI®, Chef Sharifah Hamidah Syed Mohsin dan Chef Muhammad Hakimi Badrul Hisham, menggunakan bahan dan ramuan tempatan dengan perencah popular produk MAGGI®, serta persembahan penuh bertenaga, permainan interaktif dan aktiviti menyeronokkan untuk membolehkan orang ramai menyambut Hari Gawai dengan ceria.

Untuk butiran lanjut tentang pemenang peraduan, resipi dan banyak lagi, sila layari <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan/>.

###

### **Mengenai MAGGI®**

MAGGI® ialah jenama makanan No.1 di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta detik-detik indah menyediakan sajian kebahagiaan yang mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Menerusi pelbagai rangkaian produk dan penyelesaian makanannya, MAGGI® membantu rakyat Malaysia

menyediakan sajian makanan masakan rumah yang lazat dan seimbang untuk diri sendiri atau keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited untuk memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah, menyediakan penyelesaian inovatif daripada mi kepada produk kulinari, yang akan terus mencerikan dan memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia memasak makanan segar yang digemari dan diyakini mereka. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.maggi.my](http://www.maggi.my).

### **Mengenai Nestlé Malaysia: Menjana Khasiat Rakyat Malaysia Melebihi Seabad**

Sejak 1912, Nestlé menjana khasiat rakyat Malaysia dan meraih kepercayaan mereka menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami berbangga untuk memainkan peranan kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, dengan berusaha menambah baik komuniti di tempat kami beroperasi. Pada hari ini, kami mengendalikan enam kilang yang disokong oleh tenaga kerja seramai lebih 5,000 rakyat Malaysia, Semua produk kami adalah Halal, menjadikan kami pengeluar Halal terbesar bagi Nestlé di peringkat global. Kami bertekad untuk membekalkan produk bermutu tinggi yang halal dan berkhasiat dengan mengutamakan kelestarian sebagai nadi amalan perniagaan kami – Dibuat di Malaysia, oleh rakyat Malaysia, untuk semua rakyat Malaysia.

Sebagai pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan ibu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara. Dengan tenaga kerja lebih 270,000 kakitangan yang berdedikasi, kami berpegang kepada matlamat kami untuk memanfaatkan kelebihan makanan untuk merungkai kuasa makanan, meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua, pada hari ini dan juga demi generasi masa depan. Komitmen kami kepada pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan memacu prestasi kami, memastikan kami mengotakan janji GOOD FOOD, GOOD LIFE.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perjalanan kami menjana khasiat rakyat Malaysia lebih seabad, sila layari laman web kami di <https://www.Nestlé.com.my/ask-Nestlé/we-are-Nestlé>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

E-mel: +6012-235 6865

[shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com)

#### **Ooi See Bee**

MAGGI® PR Malaysia Timur

Tel: +6012 389 2686

E-mel: [oseebeerockwills@gmail.com](mailto:oseebeerockwills@gmail.com)